

# PENGLIBATAN SOSIAL, KONSEP KENDIRI DAN KESEJAHTERAAN HIDUP ORANG TUA YANG TINGGAL DI PONDOK

TENGGU AIZAN HAMID & JULAINI JUSOF  
Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia

**Katakunci :- Penglibatan sosial, konsep sendiri, kesejahteraan hidup, warga tua, pondok.**

## ABSTRAK

*Kajian ini memberi gambaran mengenai kesejahteraan hidup yang dirasakan di kalangan orang tua yang berumur 55 tahun ke atas. Kekerapan penglibatan sosial, kepuasan penglibatan sosial dan konsep sendiri serta perkaitannya dengan kesejahteraan hidup orang tua menjadi tumpuan dalam kajian ini. Kajian ini mendapati pembolehubah sosio demografi iaitu umur ( $r = -0.29, p \leq 0.01$ ), bilangan anak ( $r = 0.25, p \leq 0.05$ ) dan taraf kesihatan ( $\chi^2 = 4.61, p \leq 0.01$ ) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan penglibatan sosial. Seterusnya kajian ini juga mendapati pembolehubah sosiodemografi iaitu umur ( $r = -0.24, p \leq 0.01$ ), bilangan anak ( $r = 0.22, p \leq 0.05$ ) dan taraf kesihatan ( $\chi^2 = 6.42, p \leq 0.05$ ) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan konsep sendiri. Beberapa faktor -didapati mempunyai perkaitan yang sangat signifikan dengan kesejahteraan hidup, iaitu, penglibatan sosial ( $r = 0.36, p \leq 0.01$ ), konsep sendiri ( $r = 0.58, p \leq 0.01$ ), umur ( $r = 0.21, p \leq 0.05$ ) dan taraf kesihatan ( $\chi^2 = 6.87, p \leq 0.01$ ). Hasil kajian secara purata menunjukkan penglibatan sosial, konsep sendiri dan taraf kesihatan adalah penting untuk meningkatkan kesejahteraan hidup orang tua.*

## ABSTRACT

*The objective of the research was to investigate the subjective well-being among the elderly, aged 55 and above, who lived in the 'Pondok' housing system. This study*

*examines the relationship of social participation and self concept with life satisfaction of the older persons. Findings of the research indicated that the sociodemographic factors of age ( $r = -0.29, p \leq 0.01$ ), number of children ( $r = 0.25, p \leq 0.05$ ) and health status ( $\chi^2 = 4.61, p \leq 0.01$ ) were significantly related to social participation. The study also indicated that sociodemographic factors of age, ( $r = -0.24, p \leq 0.01$ ), number of children ( $r = 0.22, p \leq 0.05$ ) and health status ( $\chi^2 = 6.42, p \leq 0.01$ ) were significantly related to self concept. Life satisfaction was significantly related to social participation ( $r = 0.36, p \leq 0.01$ ), self concept ( $r = 0.58, p \leq 0.01$ ), age ( $r = 0.21, p \leq 0.05$ ) and health status ( $\chi^2 = 6.87, p \leq 0.01$ ). Social participation, self concept and health status are important in determining life satisfaction of older persons.*

## PENGENALAN

Jumlah penduduk tua di Malaysia kini kian meningkat. Statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (1992) mendapati bahawa terdapat seramai 1,275,543 warga tua yang berusia 55 tahun ke atas pada tahun 1990 dan bertambah sebanyak 1.88% iaitu kepada 1,324,403 orang pada tahun berikutnya. Kadar pertambahan ini dijangkakan meningkat sebanyak 4.4% menjelang tahun 2000 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1994). Statistik ini jelas menunjukkan bahawa golongan tua merangkumi sebahagian besar anggota masyarakat di Malaysia yang wajar diberi perhatian terutamanya dari segi kesejahteraan hidup.

Warga tua yang menarik diri daripada masyarakat akan merasakan kurang keseronokan, mengalami kemurungan dan keadaan ini seterusnya membawa kepada kesan negatif terhadap kesejahteraan hidup. Penglibatan sosial secara am menunjukkan hubungan yang positif dengan kesejahteraan hidup. Menurut Ward (1985), penglibatan sosial secara tidak langsung memberikan kehidupan yang berkualiti kepada warga tua. Alwin, Converse dan Martin (1985) menyatakan persekitaran sosial yang baik dan memuaskan boleh mempengaruhi individu dari segi sokongan sosial dan emosi, seterusnya, membentuk kesejahteraan dalam hidup mereka. Kesimpulan yang dibuat oleh Creecy, Berg, dan Wright, (1985) juga mengatakan bahawa semakin tinggi penglibatan orang tua dalam aktiviti maka lebih tinggi kesejahteraan hidup yang dirasai.

Selain kualiti penglibatan sosial yang mempengaruhi kesejahteraan hidup di kalangan orang tua, konsep sendiri juga turut memberi kesan kepada kesejahteraan hidup warga tua. Konsep sendiri adalah berkaitan dengan sikap yang optimis, penglibatan ego, penerimaan personal, sikap tanggungjawab dan pencapaian matlamat (Hoyt, Keiser, Peters & Babchuk, 1980). Hoyt et al. (1980) juga mendapati bahawa konsep sendiri yang positif ada kaitannya dengan penglibatan di kalangan orang tua dalam aktiviti sosial. Kenyataan ini disokong oleh McClelland (1982) yang mendapati bahawa lebih

tinggi paras aktiviti yang disertai maka lebih tinggi konsep sendiri orang tua. Ini menunjukkan bahawa konsep sendiri yang positif boleh dicapai melalui penglibatan dalam aktiviti sosial dan seterusnya membolehkan warga tua ini mencapai kesejahteraan hidup (McClelland, 1982). Memandangkan pentingnya kesejahteraan hidup di kalangan warga tua maka kajian ini turut mengenalpasti bagaimana penglibatan sosial dan konsep sendiri menyumbang kepada kesejahteraan hidup warga tua yang tinggal di pondok.

Objektif kajian ini ialah untuk: 1) mengenalpasti tahap penglibatan sosial, konsep sendiri dan kesejahteraan hidup orang tua yang tinggal di pondok, 2) mengenalpasti kekerapan penglibatan dalam aktiviti persatuan dan sukarela di kalangan orang tua yang tinggal di pondok, 3) mengenalpasti kekerapan interaksi bersemuka dengan jiran, sahabat-handai, anak, saudara-mara dan adik-beradik di kalangan orang tua, 4) mengenalpasti tahap kesejahteraan hidup dan penglibatan sosial di kalangan orang tua, dan 5) menentukan perkaitan antara faktor sosiodemografi dengan penglibatan sosial, konsep sendiri dan kesejahteraan hidup di kalangan orang tua yang tinggal di pondok.

## KAEDAH

### *Sampel kajian*

Kajian ini telah dijalankan di kalangan penduduk berumur 55 tahun ke atas di beberapa buah kampung dalam daerah Setiu dan Besut, Terengganu di mana telah dikenalpasti terdapat warga tua yang tinggal di pondok. Responden dipilih secara rawak mudah.

### *Pengumpulan data*

Pengumpulan data adalah dengan menggunakan borang soal selidik dalam temubual bersemuka dengan responden. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu, bahagian I merangkumi soalan mengenai sosiodemografi, bahagian II adalah soalan mengenai kekerapan dan kepuasan penglibatan sosial serta konsep sendiri, dan bahagian III adalah mengenai kesejahteraan hidup.

Penglibatan sosial diukur dengan menggunakan skala penglibatan sosial berdasarkan *Social Network Index* oleh Fischer (Fischer & Olikers, 1983) yang diubah suai mengikut kesesuaian kajian. Konsep sendiri pula diukur dengan menggunakan *Rosenberg Self-Esteem Scale* oleh Rosenberg (1965) yang mempunyai lima soalan negatif dan lima soalan positif mengenai persepsi terhadap diri sendiri. Skor yang digunakan adalah 4 = Sangat tidak setuju, 3 = Tidak setuju, 2 = Setuju dan 1 = Sangat setuju. Kesejahteraan hidup pula diukur

berdasarkan skala *Life Satisfaction Inventory A* (LSI-A) yang dibentuk oleh Adam (1969) yang mempunyai 13 item mengenai persepsi individu terhadap kepuasan hidup. Skor yang digunakan ialah, 2 = Setuju dan 1 = Tidak Setuju terhadap pernyataan yang dikemukakan. Hasil ujian kebolehpercayaan skala menunjukkan kedua-dua skala, iaitu konsep sendiri dan kesejahteraan hidup, mempunyai nilai alpha 0.67 dan boleh diterima untuk meramalkan fenomena yang dikaji.

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### *Data Demografi*

Jadual 1 menunjukkan ciri latar belakang responden yang terdiri daripada 50% lelaki dan 50% perempuan yang berusia dalam lingkungan 55 tahun sehingga yang paling tua berusia 102 tahun serta tinggal di pondok. Purata umur bagi responden yang dikaji ialah 73 tahun dengan sisihan piawai 8.12. Secara keseluruhan, didapati 59% responden telah kematian pasangan, 28% masih mempunyai pasangan dan 13% pula tidak pernah berkahwin. Bagi taburan bilangan anak, seramai 60% responden mempunyai anak kurang dari lima dan 40% lagi mempunyai anak antara 5 - 11 orang. Merujuk kepada taraf kesihatan, didapati 56% yang terlibat dalam kajian ini mempunyai taraf kesihatan yang kurang baik dan 44% lagi melaporkan bahawa mereka masih mempunyai taraf kesihatan yang baik.

### *Penglibatan Sosial*

Jadual 2 menunjukkan keahlian dan penglibatan responden dalam aktiviti persatuan. Didapati 50% responden melibatkan diri dalam empat persatuan yang dikenalpasti. Daripada 50% yang terlibat dalam persatuan, 14% terlibat dalam persatuan amal, 8% menjadi ahli dalam persatuan politik, 16% menyertai Perkumpulan Wanita dan 62% menganggotai persatuan penerima bantuan. Dari segi kekerapan penglibatan responden dalam persatuan yang dianggotai, hasil kajian mendapat kekerapan penglibatan ini menurut responden adalah berdasarkan kehadiran mereka dalam mesyuarat yang diadakan secara rasmi.

Jadual 3 menunjukkan penglibatan responden dalam lima jenis aktiviti sukarela. Hasil kajian mendapati 68% warga tua melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong di mana dari segi kekerapan terdapat 55% terlibat setahun sekali dan 13% lagi melibatkan diri enam bulan sekali. Seterusnya dalam kenduri-kendara, hasil kajian menunjukkan 89% daripada responden melibatkan diri dengan kekerapan setahun sekali (14%), enam bulan sekali (49%) dan sebulan sekali (26%). Aktiviti membersihkan masjid pula melibatkan 76% responden di mana 20% terlibat setahun sekali, 28% melibatkan diri enam bulan sekali dan

**Jadual 1**  
**Taburan Bilangan, Peratus, Purata dan Faktor**  
**Sosiodemografi 100 Responden**

RESPONDEN	n	%	$\bar{X}$
<b>JANTINA</b>			
Lelaki	50	50.0	
Perempuan	50	50.0	
<b>UMUR</b>			
< 70	30	30.0	
70 - 79	56	56.0	72.55
≥ 80	14	14.0	
<b>STATUS PERKAHWINAN</b>			
Bujang	13	13.0	
Berkahwin	28	28.0	
Duda/Balu	59	59.0	
<b>BILANGAN ANAK</b>			
0 - 4	60	60.0	
5 - 11	40	40.0	3.92
<b>PENDAPATAN SEBULAN</b>			
≤ RM 70	87	87.0	
> RM 70	13	13.0	67.2
<b>TARAF KESIHATAN</b>			
Baik	44	44.0	
Kurang Baik	56	56.0	

Nota:  $\bar{X}$  = Min,

**Jadual 2**

Peratusan Kekerapan Penglibatan 50 Responden Dalam Aktiviti Persatuan

PERSATUAN	n	%	% KEKERAPAN PENGLIBATAN	
			Setahun Sekali	6 Bulan Sekali
Amal	7	14.0	4.0	10.0
Politik	4	8.0	2.0	6.0
Perkumpulan wanita	8	16.0	2.0	14.0
Penerima bantuan	31	62.0	6.0	56.0

**Jadual 3**

Agihan Kekerapan Penglibatan 100 Responden Dalam Aktiviti Sukarela

AKTIVITI SUKARELA	n	%	% KEKERAPAN PENGLIBATAN				
			0	1	2	3	4
Gotong - royong	100	100.0	32.0	55.0	13.0	-	-
Kenduri - kendara	100	100.0	11.0	14.0	49.0	26.0	-
Bersih masjid	100	100.0	24.0	20.0	28.0	26.0	-
Bina pondok/ rumah	100	100.0	98.0	2.0	-	-	-
Bersih kubur	100	100.0	69.0	26.0	4.0	1.0	-

Nota: 0 = Tidak terlibat    1 = setahun sekali    2 = 6 bulan sekali  
 3 = sebulan sekali    4 = 2 minggu sekali

sebulan sekali seramai 26%. Seramai 31% responden terlibat dalam aktiviti membersihkan kubur dengan kekerapan setahun sekali (26%), enam bulan sekali (4%) dan sebulan sekali (3%). Hasil kajian jelas menunjukkan bahawa responden menyertai aktiviti sukarela sebagai salah satu cara untuk memberi sumbangan kepada masyarakat. Keputusan ini menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Duff dan Hong (1982) yang menyatakan bahawa penyertaan warga tua dalam aktiviti gotong-royong dan sukarela adalah satu penglibatan sosial.

### *Kepuasan Penglibatan*

Jadual 4 menunjukkan peratusan perasaan responden terhadap penglibatan mereka dalam aktiviti persatuan dan sukarela. Dalam aktiviti persatuan yang disertai oleh 50 responden, 4% menyatakan perasaan tidak puas hati, 35% puas hati dan 11% merujuk sebagai sangat puas hati. Seterusnya bagi kepuasan warga tua dalam aktiviti sukarela, hasil kajian mendapati 70% responden menyatakan rasa puas hati sementara itu 19% memberikan jawapan sangat puas hati, 10% tidak puas hati dan hanya 1% menyatakan rasa sangat tidak puas hati. Hasil kajian ini menunjukkan secara keseluruhan responden berpuas hati dalam kedua-dua aktiviti sosial ini. Penemuan kajian ini sama dengan hasil kajian McClelland (1982) yang menyatakan adalah penting untuk warga tua menyatakan puas hati dalam aktiviti formal dan sukarela untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

### *Interaksi Bersemuka*

Jadual 5 dan 6 menunjukkan peratusan kekerapan dan kepuasan interaksi bersemuka warga tua dengan individu lain yang merangkumi interaksi dengan anak, saudara-mara, adik-beradik, jiran dan sahabat-handai. Hasil kajian menunjukkan 18% responden berinteraksi dengan anak setahun sekali dan 46% lagi sebulan sekali dan selebihnya ialah dua minggu sekali, seminggu sekali dan setiap hari. Dalam interaksi ini, 66% responden menyatakan rasa puas hati dan 14% sangat berpuas hati. Seterusnya 31% responden berinteraksi secara bersemuka dengan saudara-mara mereka setahun sekali dan 1% seminggu sekali. Hanya satu peratus responden telah menyatakan rasa tidak puas hati dan 31% berpuas hati dalam interaksi bersemuka dengan saudara-mara. Kajian seterusnya mendapati 71% daripada jumlah responden melibatkan diri dalam interaksi bersemuka dengan adik-beradik di mana 66% mengatakan rasa puas hati, 4% sangat puas hati dan 22% lagi mengatakan rasa tidak puas hati. Akhir sekali ialah interaksi warga tua dengan jiran dan sahabat-handai mereka yang melibatkan 100% responden dengan purata penglibatan antara seminggu sekali dan setiap hari, di mana secara keseluruhannya mereka menyatakan rasa puas hati dan sangat puas hati.

**Jadual 4**

Peratusan Perasaan Responden Terhadap Penglibatan dalam Aktiviti  
Persatuan dan Sukarela

BENTUK PENGLIBATAN	%	n	% PERASAAN RESPONDEN			
			1	2	3	4
Aktiviti Persatuan	50	50.0	-	4.0	35.0	11.0
Aktiviti Sukarela	100	100.0	1.0	10.0	70.0	19.0

Nota: 1 = Sangat tidak puas hati  
2 = Tidak puas hati

3 = Puas hati  
4 = Sangat puas hati

**Jadual 5**

Peratusan Kekerapan Interaksi Responden dengan Anak, Saudara-mara,  
Adik-beradik, Jiran dan Sahabat-handai

INDIVIDU	n	%	% KEKERAPAN PENGLIBATAN				
			1	2	3	4	5
Anak	82	82.0	18.0	46.0	14.0	2.0	2.0
Saudara - mara	44	44.0	31.0	8.0	4.0	1.0	-
Adik - beradik	71	71.0	43.0	19.0	8.0	1.0	-
Jiran	100	100.0	1.0	1.0	-	30.0	68.0
Sahabat - handai	100	100.0	1.0	2.0	4.0	34.0	59.0

Nota: 1 = Setahun sekali    3 = 2 minggu sekali    5 = setiap hari  
2 = Sebulan sekali    4 = seminggu sekali



**Jadual 6**  
Peratusan Perasaan responden Terhadap interaksi dengan Anak, Saudara-mara, Adik-beradik, Jiran dan Sahabat-handai

INDIVIDU	n	%	% PERASAAN RESPONDEN			
			1	2	3	4
Anak	88	88.0	2.0	6.0	66.0	14.0
Saudara - mara	67	67.0	1.0	32.0	31.0	3.0
Adik - beradik	86	86.0	-	22.0	60.0	4.0
Jiran	100	100.0	-	1.0	69.0	30.0
Sahabat-handai	100	100.0	-	1.0	50.0	49.0

Nota: 1 = Sangat tidak puas hati  
2 = Tidak puas hati

3 = Puas hati  
4 = Sangat puas hati

**Jadual 7**  
Statistik Deskriptif Penglibatan Sosial, Konsep Kendiri dan Kesejahteraan Hidup

	n	%	$\bar{X}$	Sd
<b>Penglibatan Sosial</b>				
Rendah	53	53.0		
Tinggi	47	47.0	26.09	2.38
<b>Konsep Kendiri</b>				
Rendah	49	49.0		
Tinggi	51	51.0	26.59	3.06
<b>Kesejahteraan Hidup</b>				
Rendah	24	24.0		
Tinggi	76	76.0	20.41	1.58

Nota:  $\bar{X}$  = Min, Sd = Sisihan Piawai

Tahap penglibatan sosial, konsep sendiri dan kesejahteraan hidup ditunjukkan dalam Jadual 7. Bagi penglibatan sosial, 53% responden berada pada tahap penglibatan sosial yang rendah. Ukuran bagi tahap penglibatan sosial berpandukan nilai min skor penglibatan sosial, di mana skor penglibatan sosial yang rendah daripada min menggambarkan tahap penglibatan sosial yang rendah dan sebaliknya. Bagi konsep sendiri, keputusan kajian mendapati 51% responden mempunyai konsep sendiri yang tinggi dan 49% mempunyai konsep sendiri yang rendah. Walau bagaimanapun lebih kurang 76% wargatua menunjukkan kesejahteraan hidup yang tinggi. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa secara purata responden mempunyai penglibatan sosial yang agak rendah tetapi konsep sendiri dan kesejahteraan hidup warga tua adalah tinggi di kalangan responden terbabit.

*Hubungan Penglibatan Sosial, Konsep Kendiri, Kesejahteraan dengan Faktor Jantina, Taraf Perkahwinan dan Kesihatan*

Jadual 8 adalah keputusan ujian Khi kuasa dua antara faktor jantina, taraf perkahwinan dan taraf kesihatan dengan penglibatan sosial, konsep sendiri dan kesejahteraan hidup. Didapati bahawa penglibatan sosial mempunyai perkaitan yang signifikan dan positif dengan taraf kesihatan responden ( $\chi^2=4.61$ ,  $p \leq 0.01$ ). Responden yang mempunyai taraf kesihatan yang baik berupaya untuk melibatkan diri dalam aktiviti sosial. Penemuan ini menyerupai hasil kajian McClelland (1982) yang melaporkan orang tua yang mempunyai masalah kesihatan kurang melibatkan diri dalam aktiviti masyarakat dan aktiviti persatuan.

Jantina ( $\chi^2=4.62$ ,  $p \leq 0.01$ ) dan taraf kesihatan ( $\chi^2=6.42$ ,  $p \leq 0.01$ ) responden menunjukkan perkaitan signifikan dan positif dengan konsep sendiri. Wanita tua mempunyai konsep sendiri yang positif. Responden yang mempunyai taraf kesihatan yang baik juga mempunyai sendiri yang positif. Taraf kesihatan dengan kesejahteraan hidup ( $\chi^2=6.87$ ,  $p \leq 0.01$ ) mempunyai perkaitan yang positif dan dapatan ini menyamai hasil kajian Kozma dan Stones (1983). Taraf kesihatan memainkan peranan penting yang dapat mewujudkan sikap positif terhadap kehidupan, dan seterusnya sikap positif ini akan mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup individu. Dapatan ini juga menyamai dapatan kajian Hoyt et al. (1980) dan McClelland (1982) di mana mereka melaporkan perkaitan positif antara taraf kesihatan, konsep sendiri dan kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian wanita dan responden yang mengekalkan taraf kesihatan pada masa tua dapat menyesuaikan diri kepada keadaan kehidupan dan seterusnya dapat mencapai kesejahteraan hidup yang baik. Pandangan hidup yang positif serta pengekalanan taraf kesihatan adalah penting bukan sahaja untuk warga tua tetapi juga penting kepada populasi muda.

**Jadual 8**

Ujian Khi Kuasadua di antara Jantina, Status Perkahwinan, Taraf Kesihatan, Konsep Kendiri dan Kesejahteraan Hidup

	Penglibatan Sosial	Konsep Kendiri	Kesejahteraan hidup
Jantina	0.04	6.42*	0.00
Taraf Perkahwinan	2.94	0.48	0.80
Taraf Kesihatan	4.61*	6.42*	6.87*

\* Signifikan pada aras keertian  $p \leq 0.01$

**Jadual 9**

Perkaitan antara Umur, Bilangan Anak, Pendapatan dengan Penglibatan Sosial dan Konsep Kendiri

Pembolehubah	Penglibatan Sosial Nilai r	Konsep Kendiri Nilai r
Umur	-0.29**	-0.24**
Bilangan anak	0.25*	0.22*
Pendapatan	0.15	0.14

\* = Signifikan pada aras keertian  $p \leq 0.05$

\*\* = Signifikan pada aras keertian  $p \leq 0.01$

Perhubungan antara umur, pendapatan, bilangan anak dengan penglibatan sosial dan konsep sendiri ditunjukkan dalam Jadual 9. Penglibatan sosial secara keseluruhannya mempunyai perkaitan yang sangat signifikan dengan umur ( $r = -0.29, p \leq 0.01$ ) dan bilangan anak ( $r = 0.25, p \leq 0.05$ ). Nilai perkaitan yang negatif bagi faktor umur menunjukkan semakin meningkat usia seseorang itu, semakin kurang penglibatan sosial mereka, manakala responden yang mempunyai bilangan anak yang ramai berupaya mengekalkan interaksi dengan anak.

Konsep sendiri mempunyai perkaitan signifikan dan negatif dengan umur ( $r = -0.24, p \leq 0.01$ ) dan positif dengan bilangan anak ( $r = 0.22, p \leq 0.05$ ). Secara amnya, semakin meningkat usia seseorang semakin rendah konsep sendiri dan sebaliknya berlaku antara bilangan anak dan konsep sendiri. Bilangan anak yang ramai meningkatkan konsep sendiri warga tua. Situasi ini mungkin berkait dengan perasaan kebanggaan warga tua terhadap pencapaian anak dalam masyarakat dan secara langsung mempengaruhi konsep sendiri mereka.

#### *Hubungan Kesejahteraan hidup dengan Penglibatan Sosial, Konsep Kendiri dan Faktor Demografi*

Jadual 10 menunjukkan ujian Korelasi Pearson antara faktor sosiodemografi, penglibatan sosial, konsep sendiri dengan kesejahteraan hidup. Hasil yang diperolehi menunjukkan bahawa kesejahteraan hidup mempunyai perkaitan signifikan dan negatif dengan umur ( $r = -0.21, p \leq 0.05$ ). Warga tua mempunyai kesejahteraan hidup yang lebih rendah berbanding warga muda. Umur yang lanjut dikaitkan dengan masalah kesihatan yang tinggi dan ini akan mempengaruhi kesejahteraan hidup individu. Perkaitan antara penglibatan sosial dengan kesejahteraan adalah signifikan dengan nilai ( $r = 0.36, p \leq 0.01$ ); konsep sendiri juga mempunyai perkaitan yang sangat signifikan dengan kesejahteraan hidup; hasil korelasi dengan nilai ( $r = 0.58, p \leq 0.01$ ) menunjukkan perkaitan yang sangat bererti dengan kesejahteraan hidup. Hasil kajian ini mempunyai persamaan dengan keputusan kajian yang dibuat oleh Hoyt et al. (1980), yang telah menghubungkan konsep sendiri dengan kesejahteraan hidup di kalangan warga tua.

### KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan untuk kajian ini dapatlah dirumuskan bahawa antara faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup orang tua yang tinggal di pondok ialah penglibatan sosial dan konsep sendiri. Faktor sosio demografi yang mempengaruhi kesejahteraan hidup warga tua pula adalah faktor umur dan taraf kesihatan. Faktor lain seperti jantina, status perkahwinan, bilangan anak dan pendapatan bulanan tidak menunjukkan sebarang perkaitan. Bagi faktor umur, perkaitan secara negatif menggambarkan bahawa, semakin

**Jadual 10**

Perkaitan Antara Umur, Bilangan Anak, Pendapatan Penglibatan Sosial dan Konsep Kendiri dengan Kesejahteraan Hidup

Pembolehubah	Kesejahteraan Hidup Nilai r
Umur	- 0.21*
Bilangan anak	0.10
Pendapatan	0.19
Penglibatan sosial	0.36**
Konsep kendiri	0.58**

\* = Signifikan pada aras keertian  $p \leq 0.05$

\*\* = Signifikan pada aras keertian  $p \leq 0.01$

meningkat usia seseorang itu maka semakin menurun kesejahteraan hidupnya. Dari segi penglibatan sosial, faktor sosio demografi yang berkaitan dengannya ialah umur, bilangan anak dan juga taraf kesihatan, manakala konsep kendiri pula dipengaruhi oleh faktor umur, jantina, bilangan anak dan taraf kesihatan. Perkaitan yang negatif antara umur dengan penglibatan sosial dan konsep kendiri juga dapat dilihat dan ini menunjukkan penglibatan sosial dan konsep kendiri menurun dengan meningkatnya umur seseorang. Ketersediaan bilangan anak yang ramai, saudara-mara, adik-beradik, jiran dan sahabat-handai memungkinkan interaksi bersemuka di kalangan warga tua. Secara deskriptif, didapati penglibatan warga tua dalam interaksi bersemuka dengan jiran dan sahabat-handai adalah yang paling tinggi kekerapannya berbanding dengan individu lain kerana keadaan perumahan sistem pondok. Sistem perumahan pondok mempunyai beberapa buah rumah berdekatan dan biasanya perumahan ini dihuni oleh rakan taulan dan mewujudkan ikatan persahabatan yang berkekalan. Disini jelaslah bahawa jiran dan sahabat-handai memainkan peranan penting bagi warga tua sebagai sumber sosial.

Kepuasan yang dirasakan oleh responden apabila melibatkan diri dalam aktiviti sosial, iaitu interaksi bersemuka, berpersatuan dan aktiviti sukarela turut dijelaskan secara deskriptif dalam kajian ini. Berkaitan dengan penglibatan sosial dan konsep kendiri responden, hasil kajian mendapati bahawa warga tua dalam kajian ini mempunyai tahap penglibatan sosial yang rendah tetapi dari

segi konsep sendiri adalah tinggi terutamanya di kalangan warga tua perempuan.

Secara purata responden yang dikaji juga mempunyai tahap kesejahteraan hidup yang tinggi dan berpuas hati dengan kehidupan mereka masa kini. Ini disebabkan orang tua sentiasa bersyukur dengan apa yang diperolehi mereka. Kajian ini mendapati bahawa faktor kesihatan mempunyai peranan dalam kehidupan individu. Oleh itu, individu dan masyarakat disarankan untuk melibatkan diri dalam aktiviti senaman dan sebagainya untuk mengekalkan taraf kesihatan. Walaupun telah berumur, amalan senaman ini dapat dilakukan pada kadar yang bersesuaian dengan keadaan diri masing-masing. Kempen gaya hidup sihat oleh Kementerian Kesihatan perlu dipergiatkan lagi supaya dapat dimanfaatkan oleh kesemua lapisan rakyat.

## RUJUKAN

- Adams, D. (1969). Analysis of Life Satisfaction Index, *Journal of Gerontology*, **24** : 470-474.
- Alwin, D.F., Converse, P. E. & Martin, S.S. (1985). Living Arrangement and Social Intergration, *Journal of Marriage and the Family*, **47** : 319 - 332.
- Creecy, R.F. Berg, W.E., & Wright, R. (1985). Loneliness Among The Elderly: A Causal Approach, *Journal of Gerontology*, **40** : 487- 493.
- Duff, R.W. & Hong, L.K. (1982). Quality and Quantity of Social Interaction in the Life Satisfaction of Older Americans, *Sociology and Social Research*, **66** : 418 - 434.
- Fischer, C. & Olikers, S. (1983). A Research Note on Friendship, Gender, and the Life Cycle, *Social Forces*, **62** : 124 - 132.
- Hoyt, D.R., Kaiser, M.A., Peters, G.R., & Babchuck, N. (1980). Life Satisfaction dan Activity Theory : A Multidimensional Approach, *Journal of Gerontology*, **35** : 935 - 941.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (1994). *Buletin Kebajikan Masyarakat*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (1992). *Buletin Perangkaan Sosial Malaysia*.
- Kozma, & Stones, M.J. (1983). Predictors of Happiness, *Journal of Gerontology*, **38** : 626 - 628.
- McClelland, K.A. (1982). Self-Conception and Life Satisfaction: Integrating Aged Subculture and Activity Theory, *Journal of Gerontology*, **37** : 723 - 732.
- Rosenberg, M. (1965). *Society and the Adolescent Self-Image*, Princeton, NJ : Princeton University Press.
- Ward, R.A. (1985). Informal Networks and Well-Being in Later Life: A Research Agenda, *Gerontologist*, **25** : 55 - 61.